

***Janganlah seseorang hamba itu mengharap selain kepada Tuhannya
dan janganlah dia takut selain kepada dosanya***

SAYIDINA ALI KARAMALLAHU WAJHAH

***Tidak ada kebaikan ibadah yang tidak ada ilmunya
dan tidak ada kebaikan ilmu yang tidak difahami
dan tidak ada kebaikan bacaan kalau tidak ada perhatian untuknya***

SAYIDINA ALI KARAMALLAHU WAJHAH

***Agama buat kehidupan di akhirat,
harta buat kehidupan di dunia.***

***Di dunia orang yang tidak berharta berasa susah hati,
tetapi orang yang tidak beragama merasa lebih sengsara***

SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ

Ilmu itu lebih baik daripada harta.

Ilmu menjaga engkau dan engkau menjaga harta.

Ilmu itu penghukum (hakim) dan harta terhukum.

***Harta itu kurang apabila dibelanjakan tapi
ilmu bertambah bila dibelanjakan.***

SAIDINA ALI BIN ABI TALIB

**Kecantikan bukan terletak pada pakaian yang dipakai tetapi
ia bergantung kepada keelokan akhlak dan budi pekerti.**

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

**Jadilah seperti pohon kayu yang lebat buahnya, tumbuh di tepi jalan
Dilempar buahnya dengan batu, tetapi tetap dibalas dengan buah.**

SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ

Jangan engkau percaya melihat kegagahan seorang lelaki.

Tetapi jika mereka teguh memegang amanah dan menahan tangannya daripada menganiayai sesamanya,

itulah lelaki yang sebenarnya

KHALIFAH UMAR AL-KHATTAB

Nilai seseorang sesuai dengan kadar tekadnya,

ketulusannya sesuai dengan kadar kemanusiaannya,

keberaniannya sesuai dengan kadar penolakannya terhadap perbuatan jahat

dan kesucian hati nuraninya sesuai dengan kadar kepekaannya terhadap kehormatan dirinya

KHALIFAH ALI BIN ABI TALIB

**Kebajikan yang ringan adalah menunjukkan muka berseri-seri
dan mengucapkan kata-kata lemah-lembut**

SAIDINA UMAR BIN AL-KHATAB

**Kekayaan yg sebenar ialah akal ,
kepapaan yg sebenar ialah rosak akal .**

**Sepi yang sebenarnya ialah kagum dengan diri sendiri
dan kemuliaan yang sebenar ialah akhlak yg baik.**

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

**Barangsiapa menempatkan dirinya di tempat yang dapat
menimbulkan persangkaan,
maka janganlah menyesal kalau orang menyangka buruk kepadanya**

SAIDINA UMAR AL-KHATTAB

**Semulia-mulia manusia ialah siapa yang mempunyai adab,
merendahkan diri ketika berkedudukan tinggi,
memaafkan ketika berdaya membalas
dan bersikap adil ketika kuat**

KHALIFAH ABDUL MALIK BIN MARWAN

**Banyak berhutang akan menggelincirkan orang yang benar
kepada pendustaan**

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

**Manusia yang berakal ialah manusia yang suka menerima
dan meminta nasihat**

SAIDINA UMAR BIN AL-KHATAB

**Apabila kamu merasa letih kerana berbuat kebaikan maka
sesungguhnya keletihan itu akan hilang**

dan kebaikan yang dilakukan akan terus kekal.

**Dan sekiranya kamu berseronok dengan dosa
maka sesungguhnya keseronokan itu akan hilang**

dan dosa yang dilakukan akan terus kekal.

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

**Dua nikmat yang sering dilupakan ialah kesihatan
dan keselamatan.**

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

**Orang-orang yang suka berkata jujur mendapatkan tiga hal,
kepercayaan, cinta, dan rasa hormat.**

SAIDINA ALI BIN ABI THALIB

ABU LAITS AS-SAMARQANDI

berkata adapun empat perkara yang harus di jauhi ialah :-

- 1. Jangan berdusta**
- 2. Jangan mengkhianat**
- 3. Jangan mengadu-domba (jangan suka mencucuk sana cucuk sini)**
- 4. Jangan kencing sambil berdiri**

Orang akan tetap menjadi ahli ilmu yang sejati selama dia masih menuntut.

Tetapi apabila pada suatu ketika dia berkata "Aku sudah pintar", maka sesungguhnya dia sudah menjadi bodoh dengan sendirinya.

LUQMAN HAKIM

**Siapa yang mengamalkan apa yang telah diketahui
maka akan diberi taufiq untuk mencapai apa yang belum diketahui**

AL-AUZAA'I

**Manusia yang paling lemah ialah orang yang tak sanggup cari teman
dan yang paling lemah daripada itu
ialah orang yang mensia-siakan teman yang telah diperolehinya**
IMAM AL-GHAZALI

**Kamu tidak boleh memberi kepuasan kepada semua orang,
tetapi kamu boleh memberi kepuasan kepada
golongan yang berakal, beradab dan terpilih**

IBNU MAQAFFA

**Ada empat hal yang dapat mengangkat seseorang kepada darjat
yang tertinggi,
walaupun amal dan ibadahnya sedikit,
iaitu sifat-sifat penyantun, merendah diri, pemurah dan budi pekerti
yang baik.**

Itulah kesempurnaan iman

ABUL QASIM AL-JUNAID

**Barangsiapa berilmu dan beramal serta mengajar,
maka orang itu pantas disebut orang besar di segala petala langit**

NABI ISA A.S

**Supaya engkau beroleh sahabat,
hendaklah diri engkau sendiri sanggup
menyempurnakan menjadi sahabat orang**

HAMKA

**Muliakanlah rakanmu dengan kemuliaan yang mampu engkau
lakukannya secara berterusan.**

**Jika tidak maka kemuliaanmu itu akan membawa kepada perkara
yang memutuskan persahabatan.**

IMAM ABDULLAH BIN ALWI AL-HADDAD AL-HUSAINI

**Bersahabatlah dengan mereka yang mempunyai ketinggian dalam
melakukan kebaikan,**

memenuhi janji dalam perkara yang benar,

**memberi pertolongan kepada engkau serta memadai dengan
amanahnya atau sikap bertanggungjawabnya terhadap engkau.**

IMAM UMAR BIN ABDUL AZIZ

**Kebaikan itu ada pada lima perkara iaitu mampu mengawal diri,
menjauhkan diri daripada menyakiti orang lain, menggunakan rezeki
yang halal, berserah diri kepada Allah dan menyakini segala
kekuasaan Allah.**

IMAM SYAFI'

**Seseorang manusia harus cukup rendah hati untuk mengakui
kesilapannya ,**

cukup bijak untuk mengambil manfaat daripada kegagalannya

dan cukup berani untuk membetulkan kesilapannya

**Tanda-tanda orang yang budiman ialah dia akan berasa gembira jika dapat berbuat kebaikan kepada orang lain,
dan dia akan berasa malu jika menerima kebaikan daripada orang lain.**

**Semulia-mulia manusia ialah orang yang mempunyai adab yang merendah diri ketika berkedudukan tinggi,
memaaf ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat**

KHALIFAH ABDUL MALIK MARWAN

**Harta yang paling menguntungkan ialah SABAR.
Teman yang paling akrab adalah AMAL.
Pengawal peribadi yang paling waspada DIAM.
Bahasa yang paling manis SENYUM.
Dan ibadah yang paling indah tentunya KHUSYUK.**